

KAEDAH FIQAH DAN PERANANNYA DALAM PENENTUAN HUKUM BERKAITAN IBADAH SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN(PKP) SEMASA PANDEMIK COVID 19. SATU ANALISIS

WAN MOHD ZUL BIN WAN YUSUF

wwanmohdzul@yahoo.com

Kolej Komuniti Lipis, Pahang

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan peranan Kaedah Fiqah dalam menentukan hukum berkaitan ibadah semasa perintah kawalan pergerakan semasa pandemic COVID 19. Kajian ini juga mengaplikasikan beberapa kaedah yang terpilih dalam isu-isu berkaitan. Kajian ini mempunyai beberapa objektif utama. Pertama mengenalpasti peranan kaedah fiqah dalam menangani isu-isu berkaitan berkaitan ibadah. Kedua mengenalpasti kaedah-laedah yang boleh dijadikan sandaran dalam penentuan hukum berkaitan pelaksanaan ibadah. Ketiga menaplikasikan beberapa kaedah terpilih dengan masalah-masalah berkaitan. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menekankan kepada pembinaan makna, pemahaman kepada konsep, istilah dan penjelasan terperinci sesuatu perkara. Data akan dikumpulkan dari kajian perpustakaan. Data kajian perpustakaan dalam bentuk buku-buku kaedah fiqah, buku-buku fiqah dari pelbagai mazhab, buku buku hadis, warta-warta Kerajaan yang berkaitan akan dikumpulkan dan dibuat analisis. Data ini dianalisis secara mendalam untuk mencari persamaan dan perbezaan yang wujud dari sudut makna dan juga hukum. Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah fiqah mempunyai peranan yang besar sebagai satu sandaran dalam menentukan hukum berkaitan pelaksanaan ibadah semasa perintah kawalan pergerakan secara khusus dalam mana- mana isu yang berlaku secara umumnya. Kajian ini juga menunjukkan beberapa kaedah utama sesuai dijadikan sandaran bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan ibadah dalam tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan.

Kata Kunci: Kaedah Fiqah, Hukum berkaitan Ibadah, Perintah Kawalan Pergerakan(PKP)

1. Pendahuluan

Ilmu fikah dan ilmu kaedah fikah berada di kedudukan yang sangat mulia dalam Islam. Dengan ilmu ini dapat diketahui selok belok hukum dalam Islam. Ilmu kaedah fikah memudahkan para mujtahid mengeluarkan hukum bagi isu serta persoalan masa kini dalam apa sahaja bidang. Bahkan kaedah fikah kini telah diperakui sebagai salah satu pendekatan yang utama dalam menyelesaikan permasalahan dan isu yang berlaku di kalangan umat Islam dalam pelbagai masalah kehidupan.

Iyad Abdullah al-Sahrani (2010) berkata ilmu kaedah fikah bukan sekadar suatu ilmu yang perlu dikuasai oleh para mufti dan golongan agamawan semata-mata, bahkan ilmu ini perlu dipelajari oleh semua golongan, termasuk mereka yang terlibat dengan profesion perubatan memandangkan kebanyakan persoalan yang timbul pada masa kini berkait dengan masalah dan isu-isu dalam perubatan. Sehubungan dengan itu adalah amat penting bagi masyarakat Islam umumnya dan mereka yang terlibat dengan profesion perubatan khususnya untuk mendapat gambaran dan kefahaman secara umum dan jelas tentang kaedah fikah serta kaedah-kaedah yang mampu dijadikan sandaran bagi menyelesaikan isu-isu yang berkait dengan kehidupan secara umumnya dan bidang perubatan secara khususnya.

2. Konsep Kaedah Fikah

Kaedah fikah gabungan daripada 2 perkataan arab iaitu kaedah dan fikah. Kaedah dari sudut bahasa diambil dari kalimah arab *يقعد قعودا* *قعد* yang bermaksud tetap, teguh dan juga asas. (Ibn Manzur, (1995) al-Nawawi,(t.t) al-Fayyumi,(1990) dan lain-lain). Firman Allah taala;

واذ يرفع ابراهيم القواعد من البيت واسماعيل

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) (al-Quran : al-Baqarah : 2: 127)

FirmanNya lagi :

والقواعد من النساء آلتى لا يرجون نكاحا

Maksudnya: Dan mana-mana perempuan tua yang telah putus kedatangan haid, yang tidak mempunyai harapan berkahwin lagi . (al-Quran : al-Nur : 24 : 60)

Ringkasnya al-qawaid dari sudut bahasa membawa maksud asas atau tapak bagi sesuatu. Oleh itu tapak rumah atau bangunan yang dibina boleh disebut sebagai kaedah bangunan walaupun istilah ini tidak digunakan di Malaysia.

Kaedah Istilah Al-Bahusain(1998) perkataan hanya digunakan ulama selepas abad 8 hijrah. Dari sudut istilah pelbagai takrif ilmu ini penyelidik memilih pengertian yang dikemukakan Ibn al-Subki (1991) kaedah ialah ;

الامر الكلى الذى ينطبق عليه جزئيات كثيرة تفهم أحكامها منها

Maksudnya: Sesuatu yang bersifat kulli (keseluruhan) yang boleh diaplikasikan kepada juzuk-juzuk yang banyak serta dapat difahami hukum darinya.

Kesimpulan bagi pengertian kaedah fikah dapat dirumuskan seperti berikut iaitu sekumpulan dasar-dasar umum yang berkaitan dengan hukum syarak yang boleh diaplikasikan terhadap pelbagai cabang fikah untuk mengetahui hukum daripadanya. Contoh dasar tentang darurat “al-darurat tubih al-Mahzurat’ boleh diaplikasikan dalam bab makanan, minuman, perubatan

2.1 . Pembahagian Kaedah Fikah

Kaedah boleh dibahagikan kepada dua jenis pertama kaedah al-asasiyyah dan kedua kaedah cabang. Kaedah al-asasiyyah(dasar) terbahagi kepada tiga iaitu kaedah dasar utama, kaedah cabang dan kaedah yang tidak disepakati. (Muhammad al-Zuhaily 2006, Ahmad Musfata Fadilah, 2008, Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005, Yaakub Abdul Wahab, Muhammad Muslim, 2007)

Kaedah Fikah al-Asasiyyah

Kaedah fikah al-Asasiyyah juga dikenali kaedah fikah al-kubra atau kaedah kuliyyah (Ibn Nujaim, 1993, al-Zuhaily, 2006,) Ia bermaksud kaedah yang boleh diaplikasikan dalam skop yang luas

dalam pelbagai bidang kehidupan manusia sama ada ibadah, munakahat, muamalat, jenayah, perubatan, ekonomi, kejuruteraan dan sebagainya. Semua mazhab bersepakat mengatakan kaedah yang disepakati oleh semua mazhab ialah lima kaedah iaitu al-Umur Bi Maqasidiha, al-Yaqin La Yuzal Bi Shakk, al Mashaqqah Tajilib al Tasir, al-darar Yuzal dan al-Adah Muhakamah.(Ibn Subki,1991, al-Suyuty, 1983, Ibn Nujaim,1993, al-Zarqa'1998, Muhammad Zuhaily, 2006)

Sebahagian ulama memasukkan satu kaedah tambahan sebagai kaedah al-Kubra. Al-Suyuty memasukkan kaedah al-Hajat Tunazzal Manzilah al-darurah dalam kaedah al-Kubra manakala Ibn Nujaim memasukkan kaedah لا ثواب الا بالنية sebagai kaedah al-Kubra. Terdapat juga sebahagian ulama semasa yang menambah kaedah yang keenam iaitu اعمال الكلام أولى من اهماله (Usman Syubair,2006)

Daripada kaedah asasi yang disebutkan tadi terhasil beberapa kaedah yang menjadi pengikat atau penjelas kepada kaedah induk tersebut. Imam al-Suyuty telah menyebut sebanyak 21 kaedah cabang yang terhasil daripada kaedah asasi. Manakala Ibn Nujaim hanya menyebut 16 kaedah cabang.

Kaedah Fikah Cabang

Iaitu sejumlah kaedah atau dhabit yang berada di peringkat kedua selepas kaedah asasi utama (Ibn Subki,1991 al-Suyuty,1983 Ibn Nujaim,1993). Jumlah kaedah yang terkandung dalam kaedah ini amat banyak dan berbeza penyenaaraianya dalam kalangan ulama. Ibn al-Subki hanya menyenaraikan sebanyak 27 kaedah sahaja berbanding dengan Al-Suyuty sebanyak 40 kaedah manakala Ibn nujaim hanya 19 kaedah sahaja.

Kaedah Yang Tidak Disepakati

Iaitu kaedah yang menjadi sandaran dan pegangan bagi mazhab tertentu manakala tidak bagi mazhab yang lain. Kaedah yang terkandung dalam bahagian ini terbahagi kepada dua iaitu kaedah yang tidak disepakati antara mazhab empat dan kaedah yang tidak disepakati dalam mazhab yang sama. Imam al-Suyuty menyebut kaedah yang menjadi khilaf dalam mazhab Shafie sebanyak 20 kaedah.

Kehujahan Kaedah Fikah

Secara ringkasnya ulama berselisih dalam menentukan kedudukan kaedah fikah adakah boleh dijadikan sebagai hujah atau sebaliknya kepada dua pandangan.

Pendapat pertama harus menjadikan kaedah fikah sebagai sumber hukum apabila disandarkan kepada dalil daripada al-Quran atau pun hadis. Pendapat ini disuarakan oleh Imam al-Ghazali, al-Qarafi, Ibn Bashir, al-Shatibi, al-Nawawi, al-Suyuti, dan al-Futuhi. Ulama kontemporari al-Burno,al-Bahusayn, Mahmud Isma'il Muhammad Mish'al, Muhammad Naim dan lain-lain.(al-Ghazali,al-Qarafi al-Shatibi al-Suyuty, 1983 dan lain-lain)

Hujah yang digunakan oleh pendapat pertama ialah;

- i. Sebahagian daripada kaedah fikah berasal daripada lafaz nas sama ada al Quran atau al-Sunnah, atau daripada makna nas yang tidak menjejaskan kedudukannya. Maka tidak dapat diterima jika atas nama nas ia diterima sebagai dalil, tetapi apabila ditukar nama kepada kaedah fikah ia tidak boleh menjadi dalil.
- ii. Dalil-dalil yang tidak disepakati dalam kalangan ulama boleh diterima sebagai sumber hukum dalam mazhab tertentu, sedangkan dalil yang mengiktirafnya sebagai sumber hukum lebih lemah berbanding sumber nas berkaitan dengan kaedah.
- iii. Kaedah fikah merupakan dasar kulli yang boleh diaplikasikan ke atas semua cabang. Walau pun wujud pengecualian, namun tidak menjadi suatu kecacatan kepada sifat kulli yang ada pada kaedah fikah.
- iv. Kedudukan kaedah fiqah dan kemampuannya untuk dijadikan dalil diambil daripada gabungan dalil-dalil juz'ie yang berkembang, kerana setiap dalil juz'ie merupakan hujah yang mesti beristidlal dengannya. Maka gabungan dalil-dalil adalah lebih layak diiktiraf sebagai dalil.
- v. Apabila diperhatikan kepada ijtihad yang dikeluarkan oleh imam-imam mujtahid, didapati bahawa mereka mengambi kira dan berpegang dengan kaedah fikah ketika hendak mengeluarkan hukum. Ini menunjukkan bahawa mereka mengiktiraf dan menjadikan kaedah fikah sebagai dalil bagi sesuatu isu.

Muhammad Naim (2011) berkata menjadikan kaedah fikah sebagai dalil untuk mengeluarkan hukum bagi isu baru secara umumnya adalah harus. Ia adalah tambahan kepada dalil-dalil yang lain seperti al-Quran, al-Sunnah, al-Ijmak, al-Qiyas Masalih Mursalah dan lain-lain. Adapun al-Nadwi mensyaratkan kaedah yang disandarkan kepada dalil sahaja yang boleh dijadikan hujah.

Pendapat kedua tidak harus menjadikan kaedah fikah sebagai sumber hukum selagi tidak didapati nas yang jelas daripada al-Kitab atau al-sunnah. Pendapat ini dipegang oleh Imam al-Juwayniyy, Ibn Daqiq al-a'Id, Ibn Nujaym, Ibn Najjar al-Hambali, penulis Majallat al-Ahkam, Mustafa al-Zarqa' dan 'Uthman Shubayr dan lain-lain.

Alasan tidak membenarkan penggunaan kaedah sebagai hijah kerana lasan berikut

- I. sifat kaedah yang tidak menyeluruh yang tidak memungkinkan dapat mengeluarkan keseluruhan hukum (Gumuz Uyun al-Basair)
- II. kaedah juga bersifat kebiasaan bukannya keseluruhan.
- III. Sifat Kaedah ialah menghimpunkan-furuk yang banyak dan ianya tidak bersifat membina hukum. (al-Haidar).
- IV. Walaupun kaedah fiqah seperti dalil tetapi ia bukannya satu dalil yang boleh dijadikan sebagai sumber hokum (Ibn Nujaim)

Dalil yang diguna oleh pendapat kedua ialah;

- I. Kaedah fikah adalah bersifat kebiasaan (aghlabiyyah) bukan keseluruhan (kulliyyah). Pengecualian yang ada adalah terlalu banyak. Dengan banyaknya pengecualian tersebut kemungkinan berlaku persoalan yang dikecualikan tersenarai dalam furuk kaedah adalah tidak mustahil.
- II. Kebanyakan kaedah fikah tidak bersandar kepada nas syarak, tetapi berdasarkan kepada ijtihad yang kemungkinan salah. Oleh itu dengan menyamakan kaedah ke atas semua cabang masalah termasuk dalam bahagiannya adalah suatu pertimbangan yang tidak wajar.

Penulis lebih cenderung untuk memilih pendapat yang membolehkan kaedah fikah dijadikan sebagai sumber hukum dengan beberapa syarat. Antaranya persoalan atau furuk tersebut boleh dirujuk kepada kaedah fikah sebagai tambahan kepada sumber utama yang lain seperti al-Quran, al-Sunah, Ijmak dan Qiyas. Adapun dalil yang digunakan oleh pendapat kedua adalah lemah berdasarkan alasan-alasan berikut:

- I. Kaedah fikah disandarkan kepada dalil-dalil yang sebahagiannya mencapai tahap qati seperti kaedah asas lima manakala yang lain juga mempunyai dalil dan sandaran.
- II. Kaedah yang dikeluarkan berdasarkan ijtihad juga dikira, walaupun ia hanya mencapai tahap zann kerana zann hanya semasa proses mengistinbatkan hukum.
- III. Setiap kaedah mempunyai pengecualian. Adanya pengecualian tidak menjejaskan sifat kullinya.

2.2 Kepentingan Kaedah Fikah

Kepentingan kaedah fikah banyak diperkatakan oleh para penulis silam dan juga semasa. Penyelidik dapat merumuskan kepentingan ilmu kaedah fikah kepada kelompok berikut iaitu para mujtahid, mufti, penyelidik, pelajar dan masyarakat awam.(Muhammad al-Ansori, 2012) Al-Qarafi(1998) Al-Suyuti (1983) Ahamad Mustafa Fadilah(2008) Muhammad Bin Abdul Azizi (2008) Abdul Rahman Rabah(2008) Ibn Asyur (2005)

Para Mujtahid

1. Dengan menguasai ilmu kaedah fikah seseorang berupaya untuk mencari dalil bagi persoalan yang berlaku dalam masyarakat.
2. Mujtahid yang menguasai kaedah fikah juga mampu untuk mengikat cabang fikah yang banyak serta pelbagai bab dengan kaedah-kaedah yang ringkas.
3. Seseorang dapat mendalami rahsia pensyariatkan sesuatu hukum atau dikenali dengan maqasid syarak.
4. Dengan menguasai ilmu ini juga seseorang mujtahid mampu mengelakkan diri mereka dari berlaku pertentangan dalam mengenal pasti furuk-furuk fikah yang banyak.
5. Para mujtahid juga mempunyai ruang yang banyak untuk mengetahui sandaran hukum bagi setiap persoalan yang berlaku.

Mufti Dan Penyelidik

1. Para mufti dan penyelidik khasnya yang terlibat dengan Jawatan kuasa pengeluaran fatwa dapat membantu mereka mengeluarkan hukum khasnya bagi isu baru yang dihadapi oleh masyarakat.
2. Sebagaimana dengan para mujtahid mampu untuk memahami maqasid syarak dengan menguasai kaedah fikah hal ini juga mampu dibuat oleh para mufti dan juga penyelidik.

Pelajar dan Masyarakat Awam

1. Sebenarnya dengan mempelajari kaedah fikah ia dapat membuka ruang dan dimensi baru dalam mempelajari fikah kepada pelajar serta masyarakat awam mempelajari ilmu fikah dengan lebih seronok dan cepat.

2. Di samping itu juga kaedah fikah juga mampu memudahkan seseorang mendalami dan membuat perbandingan pendapat pelbagai mazhab dalam beberapa persoalan yang timbul.
3. Dapat mempelajari dan mengetahui ilmu fikah serta perbahasannya dari semua bab secara ijmal dalam masa yang singkat berbanding mempelajari ilmu fikah mengikut kaedah biasa yang memakan masa yang panjang untuk dihabiskan setiap bab-bab fikah yang bermula dari bab al-taharah sehingga bab jihad.
4. Memudahkan kepada masyarakat awam untuk mempelajari fikah perbandingan iaitu dengan membuat perbandingan antara kuliyyat dan nazariyyat bukan terhadap furuk .
5. Mengikat bab fikah yang banyak dengan suatu dasar yang sama bertujuan untuk mengetahui hukum.

3. Isu-Isu Dalam Pelaksanaan Ibadah Semasa Pkp

Penyelidik dapat mengenal pasti 11 isu yang diperkatakan oleh sebahagian agamawan dan juga orang ramai berkaitan pelaksanaan ibadah dalam tempoh pelaksanaan PKP fasa 1, PKPB, PKPP, PKPB, PKPD, PKP fasa 2. Semasa pelaksanaan ini SOP pelaksanaan ibadah berubah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama dan Majlis Keselamatan Negara. Namun demikian isu-isu ini perlu diberi penjelasan agar masyarakat dapat mendapat penjelasan yang sejasanya dan menyakini keputusan yang diambil berdasarkan dalil yang kuat.

Isu tersebut ialah penutupan masjid dari aktiviti solat jumaat, solat waktu, solat hari raya dan solat terawih, larangan ke atas kanak-kanak dan warga emas hadir ke masjid, penjarakan jemaah dalam saf dan penjarakan antara saf, pemakaian penutup hidung dan muka semasa solat, dan penangguhan ibadah haji dan umrah.

Isu-isu dapat diringkaskan kepada 5 isu pokok iaitu penjarakan jemaah dalam saf dan penjarakan antara saf, kedua pemakaian penutup hidung dan muka semasa solat, ketiga penutupan masjid dari pelaksanaan solat jumaat, solat waktu, solat hari raya dan solat terawih, keempat larangan kanak-kanak dan warga emas ke masjid dan penangguhan ibadah haji dan umrah.

4. Perbincangan Isu-Isu Dan Penentuan Hukum Berasaskan Kaedah Fikah

4.1 Penjarakkan Jemaah dalam saf dan penjarakan antara saf

Islam mengambil berat tentang solat yang merupakan salah satu rukun Islam. Perkara yang berkaitan dengan solat seperti membetulkan saf solat dan jarak sesama makmum dalam saf juga diberi perhatian oleh baginda. Terdapat beberapa hadis berkaitan penjagaan saf antaranya .

عن أنس بن مالك أنه قدم المدينة فقيل له : ما أنكرت منا منذ يوم عهدت رسول الله صلى الله عليه وسلم : قال ما أنكرت شيئاً إلا أنكم لا تقيموا الصفوف .

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik katanya aku mendatangi kota Madinah maka ditanya kepadanya apa yang kamu nak komen berkaitan kami semenjak kamu berjanji dengan nabi jawab anas aku tidak ingin komen apa-apa melainkan kamu tidak menyempurnakan saf. (Bukhari.1981 bil 724) Dan juga hadis:

عن أنس عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : أقيموا صفوفكم فاني أراكم من ظهرى

Terjemahan: Daripada anas daripada nabi.s.a.w bagidan bersabda : Sempurnakan saf kamu sesungguhnya aku melihat kamu dari belakang aku...(Bukhari .1981 hadis bil 725) mDalam riwayat lain disebutkan:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ , فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ)

Terjemahn: Betulkan saf kamu, kerana menyamakan saf sebahagian daripada sembahyang (Bukhari.1981. bil 723) Dimaksudkan dengan menyempurnakan saf atau menyamakan saf dalam iaitu sembahyang yang ditunaikan dalam keadaan lurus tegak tidak terkehadapan kedudkannya sama ada dada atau tumit berbanding orang lain serta tidak ada ruang kosong dalam saf sebagaimana saf para Malaikat. (Nawawi syarah muslim. 1995)

Pandangan Ulama Tentang Saf

Ulama bersepakat mengatakan membetulkan saf adalah suatu yang disyariatkan. Hadis berkaitan saf mencapai darjah mutawatir sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Munzir. Dalam menentukan hukum mereka berselisih. Pendapat pertama sunat membetulkan saf. Pandangan ini dipegang oleh Jumhur fuqaha dari Malikiyyah, Shafiyyah dan pendapat sahih dalam mazhab hambali, Zaidiyyah dan Imamiyyah. Dalil bagi pandangan ini berdasarkan kepada hadis Abu Hurairah.

عن ابي هريرة رضى الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم واقيموا الصف فإن إقامة الصف من حسن الصلاة.

Terjemahan: Daripada Abi Hurairah daripada rasulullah baginda bersabda dan sempurnakan saf sesungguhnya menyempurnakan saf dari keelokan sembahyang.

Ibn battal berkata jika menyempurnakan saf solat hukumnya wajib nescaya ia bukan dari ke elokkan solat. Keelokan sesuatu merupakan suatu tambahan. Oleh itu menyempurnakan saf hukumnya adalh sunat bukannya wajib. (Bukhari, 1981)

Pendapat kedua wajib membetulkan saf. Pendapat ini dpegang oleh Imam Bukhari dan Ibn Hazm. Imam Bukhari merumuskan wajib menyempurnakan saf berasarkan kepada zahir hadis yang memerintahkan disempurnakan saf. Beliau juga meletakkan hadis berikut diletakkan dibawah bab dosa orang yang tidak menyempurnakan saf. Dosa terhasil apabila meninggalkan perbuatan wajib. Oleh itu menyempurnakan saf hukumnya adalah wajib. Anas mengingkari perbuatan sahabat yang tidak menyempurnakan saf menunjukkan bahawa menyempurnakn saf hukumnya wajib (Bukhari,1981p.249) Dalil pandangan ini ialah,

عن أنس بن مالك أنه قدم المدينة فقيل له : ما أنكرت منا منذ يوم عهدت رسول الله صلى الله عليه وسلم : قال ما أنكرت شيئاً الا أنكم لا تقيموا الصفوف

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik katanya aku mendatangi kota Madinah maka ditanya kepadanya: apa yang kamu nak komen berkaitan kami semenjak kamu berjanji dengan nabi jawab anas aku tidak ingin komen apa-apa melainkan kamu tidak menyempurnakan saf. Juga hadis

صلوا كما رأيتموني أصلي

Terjemahan: Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang. Pendapat ketiga sunat muakkad.

Perbincangan dan Sandaran Kaedah Fikah

Mendirikan sembahyang dalam keadaan jarak yang berjauhan antara jemaah di dalam saf dan jarak antara saf hukumnya sah mengikut pandangan jumhur ulama. Sembahyang dalam keadaan ini juga sah mengikut pandangan yang mengatakan makruh atau wajib menyempurnakan saf. Solat yang dilakukan dalam keadaan keuzuran yang syarie atau dalam keadaan dharurat dan hajat yang mendesak dibenarkan untuk meninggalkan tuntutan-tuntutan tersebut. Sembahyang antara tiang hukumnya makruh, namun hukum makruh hilang bila ada keperluan. Sembahyang dalam keadaan perang dibolehkan tidak mengikut peraturan sebagaimana solat dalam keadaan biasa kerana dharurat dan hajat.

Sehubungan dengan itu sembahyang dengan jarak yang jauh antara satu makmum dengan makmum yang lain dan jarak antara saf sekurang-kurangnya dengan jarak 1 meter hukumnya adalah harus dan tidak mengurangkan pahala sembahyang. Hukum ini disandarkan kepada beberapa kaedah fiqh. Pertama

المشقة تجلب التيسير

Terjemahan: Kesulitan membawa kemudahan (al-Lahji, 1388) Ketika dalam keadaan sukar dan sukar dan sulit, Islam membuka jalan untuk memudahkan umat Islam melakukan sesuatu berdasarkan kepada situasi tersebut. Kaedah pertama menunjukkan bahawa apabila kesulitan dan kesukaran menimpa manusia. Islam memberi beberapa jalan untuk keluar dari situasi tersebut. Situasi semasa penyebaran virus COVID 19 dianggap situasi menyulitkan dan menyukarkan. Dalam situasi ini bahaya tidak diketahui berada dimana dan bersama siapa. Siapa sahaja terdedah kepada bahaya. Untuk itu manusia dituntut untuk sentiasa berhati-hati dan berjaga-jaga. Untuk mendirikan sembahyang sebagaimana yang dituntut oleh syarak dengan menyempurnakan saf dalam situasi ini adalah suatu perkara yang membimbangkan dan menyulitkan orang awam. Justeru dengan adanya kesukaran ini Islam membuka jalan untuk mendirikan sembahyang tanpa disempurnakan saf solat. Manakala kaedah kedua ialah

الامر اذا ضاق الامر اتسع

Terjemahan: Apabila sesuatu dalam keadaan sempit diluaskan (al-Syuty.1983) Apabila ada kesukaran serta kesulitan dalam melaksanakan suatu perkara maka Islam memberi keringanan dan kelonggaran dan diluaskan oleh syarak (Muhammad Zuhaily, 2001) Kaedah kedua menjelaskan bahawa seseorang yang berada dalam situasi yang sempit akan diberi keluasaan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Manakala kaedah ketiga sekiranya situasi yang disebutkan diatas tidak sampai ketahap dharurat sekurang-kurangnya situasi sekarang berada dalam keadaan hajat yang sangat mendesak. Iaitu untuk mengelakkan diri dari penyebaran virus. Diantara syarat beramal dengan kaedah ini keperluan yang dihajati adalah sangat mendesak. Kedua penentuan

hajah dilihat kepada keperluan kebanyakan masyarakat bukan kepada golongan tertentu sahaja. (Muhammad Naim, 2011) ialah menjarakkan diri dalam setiap masa termasuklah ketika sembahyang bagi tujuan mengelakkan penyebaran virus. Oleh itu situasi ini telah mengambil hukum dharurat iaitu membenarkan perkara yang tidak dibenarkan semasa dalam keadaan biasa, Juga dikuatkan dengan kaedah ketiga.

الحاجة توجب الانتقال الى البدل عند تعذر الاصل

Terjemahan: Hajat mewajibkan untuk berpindah kepada bentuk gantian ketika sukar melakukan bentuk yang asal. (Muhammad al-Zuhaily, 2009) Hajat atau keperluan iaitu masalah-masalah yang diperlukan untuk tujuan kesenangan dan mengangkat kesempitan yang kebiasaannya membawa kepada kesukaran dan ketiadaan benda yang dihajati tersebut.(Al-Shatibi(1991)Manakala maksud kaedah ini ialah apabila sukar melakukan suatu tuntutan yang asal kerana adanya kesukaran-kesukaran tertentu sesungguhnya membuka jalan untuk berpindah kepada cara lain untuk mengambil kedudukan yang asal tersebut. Perpindahan tersebut kerana dharurat atau pun hajat(Muhammad al-Zuhaily, 2009)

Berdasarkan kepada kaedah fiqah di atas hukum mendirikan sembahyang dengan tidak menyempurnakan saf ketika penyebaran virus COVID belum reeda dan belum ada pencegahan secara menyeluruh adalah diharuskan.

4.2 Sembahyang Dengan Menutup mulut dan hidung

Ibadah sembahyang merupakan ibadah yang paling mulia di sisi Allah s.w.t. Rasulullah telah dijemput oleh Allah di malam isra' dan mikraj untuk menerima kefarduannya. Sembahyang merupakan penghubung antara seorang hamba dengan penciptanya. Oleh itu pelaksanaan ibadah sembahyang hendaklah ditunaikan dengan rukun dan syarat yang telah ditetapkan. Juga dilakukan dengan penuh khusyuk agar amalan ini diterima oleh Allah.

Untuk mendapat kekhusyukan mana-mana perkara yang menyebabkan hilang kekhusyukan dilarang. Antara perkara yang dilarang ialah menutup mulut dan hidung dengan sesuatu benda. Sembahyang dengan menutup mulut dan hidung juga akan menyebabkan kurang sempurna bacaan yang dilakukan kerana adanya halangan dimulut.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud Rasulullah bersabda :

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن السدل في الصلاة وأن يغطي الرجل فاه .

Terjemahan: Daripada Abu Hurairat katanya Rasulullah telah melarang seseorang yang bersandar ketika sembahyang dan seorang laki-laki yang menutup mulutnya. (Abu Dawud,tt) Dalam riwayat lain

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما , أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : لا يضعن أحدكم ثوبه على أنفه في الصلاة ان ذلكم خطم الشيطان.

Terjemahan: daripada Ibn Umar dia berkata Rasulullah telah bersabda jangan kamu letakkan pakain kamu dihidung semasa sembahyang kerana perbuatan tersebut adalah penutup bagi syaitan.(Abu Dawud, tt)

Dari aspek hukum menutup hidung dan mulut ulama hukumnya ialah makruh dan tidak membawa kepada haram. Walaupun lafaz hadis yang digunakan oleh Rasulullah lafaz larangan, larangan di sini membawa maksud makruh bukannya haram.

Perbincangan dan sandaran Kaedah Fikah

Terdapat dua kaedah yang boleh menjadi sandaran kepada permasalahan ini kaedah pertama iaitu

الحاجة توجب الانتقال الى البديل عند تعذر الاصل

Terjemahan: Hajat mewajibkan untuk berpindah kepada gantian ketika sukar untuk melakukan sebagaimana asal. (Muhammad al-Zuhaily, 2009) Hajat atau keperluan iaitu masalah-masalah yang diperlukan untuk tujuan kesenangan dan mengangkat kesempitan yang kebiasaannya membawa kepada kesukaran dan ketiadaan benda yang dihajati tersebut.(Al-Shatibi(1991) Manakala maksud kaedah ini ialah apabila sukar melakukan suatu tuntutan yang asal kerana adanya kesukaran-kesukaran tertentu sesungguhnya syarak membuka jalan untuk berpindah kepada cara lain untuk mengatikan kedudukan yang asal tersebut.Perpindahan tersebut kerana dharurat atau pun hajat(Muhammad al-Zuhaily, 2009) Manakala kaedah kedua yang boleh dijadikan sandaran bagi penetapan SOP berkenaan ialah

الكراهة تزول عند الحاجة

Terjemahan: Makruh hilang ketika ada keperluan. Menutup mulut dan hidung semasa melakukan ibadah sembahyang di masa penyebaran virus merupakan suatu keperluan. Dan hal ini telah diterima oleh semua manusia sebagai satu usaha mengelak penyebaran penyakit. Dengan adanya keperluan ini maka hukum makruh tidak terpakai bagi kes ini. Berdasarkan kepada kedu-dua kaedah di atas maka menutup mulut dan hidung ketika mendirikan sembahyang dalam suasana penyebaran vitus COVID 19 hukumnya adalah harus.

4.3 Penangguhan sembahyang Jumaat, sembahyang berjemaah, Hari Raya dan Sembahyang Terawih

Sembahyang Jumaat

Sembahyang Jumaat iaitu sembahyang yang dilakukan pada hari jumaat pada waktu zohor menggantikan sembahyang zohor atau solat yang berasingan dari zohor (al-suyuty, 183) Pada masa jahiliyyah hari jumaat digelar yaum al-alarubah.(Ibn Hajar, 1981) Hukum mendirikan sembahyang jumaat adalah fardu ain ke atas setiap lelaki mukallaf yang bermukim dan tidak ditimpa kezuran (Sharbini Khatib,tt) Kewajipan sembahyang ini berdasarkan kepada Firman Allah:

إذا نودى للصلاة من يوم الجمعة فاسعوا الى ذكر الله وذروا البيع ذلكم خير لكم ان كنتم تعلمون

Terjemahan: Apabila kamu disuruh untuk mendirikan solat pada hari Jumaat maka bersegeralah untuk mengingati Allah dan tinggalkan jualbeli, itu adalah lebih baik bagi kamu sekiranya kamu mengetahui.(al-quran : alJumaat ayat 9)

Terdapat banyak hadis yang memberi ancaman orang yang meninggalkan solat secara umum dan solat jumaat secara khusus. Antara beberapa hadis seperti,

أن عبد الله بن عمر وأباهريرة حدثاه أنهما سمعا رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : على أعود منبره لينتهين أقوام عن ودعهم الجمعات أو ليختمن الله على قلوبهم ثم ليكونن من الغافلين .

Terjemahan: Daripada Abdullah bin Umar dan Abu Hurairat bahawa keduanya telah mendengar Rasulullah s.aw bersabda semasa baginda berada di atas minbar dengan katanya hendaklah mana-mana kaum berhenti dari meninggalkan sembahyang jumaat atau hati kamu akan ditutup oleh Allah kemudian kamu akan jadi orang-orang yang lalai. (Muslim, 1995 bil 865) Imam nawawi ketika menghuraikan hadis ini berkata sembahyang jumaat hukumnya adalah fardu ain. (Nawawi Syarh Muslim 1995)

Sembahyang berjemaah

Sembahyang jemaah ialah sembahyang yang dilakukan secara berjemaah sekurang-kurangnya dua orang. Seorang imam dan seorang makmum. Ia merupakan Sunnah para Rasul. Banyak hadis-hadis yang menceritakan kelebihan solat Jemaah seperti riwayat muslim. (bil 649,650.) Hukum menunaikan solat fardu secara berjemaah selain dari jumaat khilaf dikalangan ulama. Pendapat pertama wajib. Pandangan ini dipegang oleh mazhab hambali. (Ibn Muflih al-Maqdisi. p.17) Pendapat kedua sunat muakkad. Merupakan pandangan mazhab Shafie (Khatib sharbini. tt) Pendapat ketiga fardu kifayah merupakan satu pandangan dalam mazhab shafie.

Sembahyang secara berjemaah merupakan salah satu dari syiar agama sebagaimana azan. Sekiranya penduduk sebuah kampung bersepakat untuk tidak mengadakan solat secara berjemaah mereka boleh diperangi (Khatib Sharbini,tt) Rasulullah pernah mengancam untuk membakar rumah sahabat baginda yang tidak menghadiri solat berjemaah sebagaimana hadis riwayat Muslim bil 651) Walaupun demikian terdapat juga kelonggaran yang diberikan oleh Rasulullah kepada mereka yang keuzuran dari menghadiri solat berjemaah. Al-Suyuty menyebut antara kelonggaran orang sakit ialah dibenarkan untuk tidak menghadiri solat jumaat dan Jemaah(Al-Suyuty, 1983 p77)

Sembahyang Sunat Hari Raya dan Terawih

Sembahyang sunat hari Raya

Sembahyang sunat hari raya sama ada idil fitri atau adha termasuk dalam sembahyang-sembahyang yang sunat dilakukan secara berjemaah. Dari sudut hukum mendirikannya ulama berselisih pendapat. Pendapat pertama fardu kifayah. Pandangan ini dikemukakan oleh al-Istakhri

dari ulama shafie. Pandangan kedua sunat muakkad. Pandangan ini adalah pandangan mazhab shafie (Muslim,1995 p143) Sembahyang ini tidak disyaratkan dilakukan di masjid. Berbeza dengan sembahyang fardu yang lain dituntut untuk dilakukan dimasjid bagi kaum lelaki.

Terdapat beberapa hadis yang menyebut tentang sembahyang sunat hari Raya. Antaranya ialah.

عن ابن عباس قال : شهدت صلاة الفطر مع نبيي الله صلى الله عليه وسلم وأبي بكر وعمر وعثمان فكلهم يصلونها قبل الخطبة.

Terjemahan: Daripada Ibn Abbas katanya, aku mendirikan sembahyang hari Raya Idul Fitri bersama nabi, Abi Bakar, Umar dan Usman. Mereka semua menunaikan sembahyang sebelum khutbah.(Muslim, 1995 bil 884)

Sembahyang Terawih

Sembahyang terawih termasuk dalam solat malam yang amat dituntut oleh Allah s.w.t Muhammad al-Sabihi, 1409) Terdapat beberapa hadis yang berkaitan dengan menghidupkan malam-malam Ramadhan dengan melakukan qiam. Antaranya:

عن أبي هريرة رضى الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : من قام رمضان ايماناً واحتساباً غفر له ما تقدم من ذنبه.

Terjemahannya; Daripada Abi Hurairah katanya bahawa Rasulullah bersabda sesiapa yang qiam pada buklan Ramadhan dngan penuh keimanan dan perhitungan akan diampunkan baginya dosa yang telah lepas.(Muslim p34 bil 759)

Dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh

عن عروة عن عائشة أن لرسول الله صلى الله عليه وسلم صلى في المسجد ذات ليلة فصلى بصلاته ناس ثم صلى من القابلة فكثر الناس ثم اجتمعوا من الليلة الثالثة أو الرابعة فلم يخرج اليهم رسول الله صلى الله عليه وسلم فلما أصبح قال : قد رأيت الذى صنعتم فلم يمنعنى من الخروج اليكم الا أنى خشيت أن تفرض عليكم.

Terjemahannya: Daripada Urwah daripada Aisyah bahawa Rasulullah.saw. telah menunaikan sembahyang dimasjid pada suatu malam, maka turut bersama baginda sahabat kemudian pada malam seterusnya maka bertambah bilangan sahabat semakin bertambah kemudian mereka berkumpul pada malam ketiga atau keempat baginda tidak keluar bersama mereka apabila tiba waktu subuh baginda bersabda Sesungguhnya aku melihat kamu apa yang kamu lakukan dan tidak ada sesuatu yang menghalang aku keluar kepada kamu melainkan aku bimbang sembahyang ini diwajibkan ke atas kamu.(Muslim, p35bil 761)

Perbincangan Dan Sandaran Kaedah fiqah

Masjid salah satu tempat yang mulia dalam Islam. Banyak ayat-ayat yang membicarakan tentang masjid dari pelbagai sudut. Antaranya pembinaan masjid, hukum hakam berkaitan masjid, memakmurkan masjid dan juga hukum menghalang umat Islam dari menziarahi masjid. Al-

Zarkhasi banyak menyebut tentang hukum hakam berkaitan masjid.di dalam kitabnya A'lam al-Sajid(Husin Muannis, 1981)

Antara beberapa ayat yang memperkatakan tentang hal ini antaranya :

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

Terjemahan: Dan sesungguhnya masjid jangan kamu berdoa bersama Allah sesiapa (Al-quran: Surah al-Jin 18)

انمايعمر مساجد الله من آمن بالله واليوم الآخر.

Sesungguhnya orang yang memakmurkan masjid adalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat.

Dalam lipatan sejarah Ibn Jawzi pernah menyebut tentang suatu wabak yang pernah berlaku dalam sejarah pada tahun 449 hijrah hingga mengakibatkan masjid Azhar dan masjid Umawi terpaksa ditangguhkan seperti kuliah, sembahyang jemaah dan jumaat. Kebanyakan ulama bersetuju dengan tindakan tersebut untuk mengekang penyebaran penyakit. Manakala sebahagian yang lain tidak bersetuju tindakan menutup masjid dari pelaksanaan ibadah solat jumaat dan jemamah. Dalam kitab-kitab fikah ulama banyak menyentuh keuzuran yang dibenarkan untuk tidak menghadiri solat jumaat dan berjemaah. Antaranya sakit, perompak dijalan.(<https://www.aljazeera.net/>)

Penyakit dan punca penyebarannya termasuk dalam perkara yang membimbangkan dan menakutkan orang ramai. Justeru pemerintah dikehendaki mengambil keputusan yang memberi masalah kepada orang ramai. Antara masalah yang difikirkan sesuai diawal penyebaran wabak ialah menutup semua tempat tumpuan yang boleh menjadi pusat penyebaran penyakit seperti pasar, pasaraya dan juga masjid. Kaedah fikah menyebut

تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة

Terjemahan: Polisi pemerintah terhadap rakyat berdasarkan hendaklah kepada masalah.(al-Suyuty.1983) Penutupan masjid dianggap sebagai satu masalah kerana ingin mengelakkan berlakunya penyebaran penyakit.

Namun penutupan masjid secara keseluruhan pada pandangan penyelidik tidak perlu dilakukan. Sama ada untuk mendirikan solat jumaat atau berjemaah. Memadai dengan penghadan jumlah jemaah bagi sembahyang jumaat dan jemaah bergantung kepada keluasan masjid dengan SOP yang ketat. Dan pelaksanaan solat jumaat dan jemaah dengan seminima syarat yang boleh dilaksanakan seperti satu kali azan, khutbah yang singkat dan tiada solat sunat.

Suasana zaman silam telah boleh dijadikan sandaran seratus peratus untuk mengambil tindakan yang sama. Dunia perubatan pada masa kini telah banyak mengalami perubahan yang banyak memudahkan pengamal perubatan mengenali lebih dekat penyakit dan penawar bagi mengawal jangkitan. Sesuai dengan kaedah fikah

إذا اجتمع ضرران رعى أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما

Terjemahan: Apabila berkumpul dua mudarat hendaklah diperhatikan yang mana mudarat yang lebih besar untuk dilakukan mudarat yang kecil. (al-Suyuty,1983) Menutup masjid secara keseluruhannya dari aktiviti solat jumaat dan jemaah dianggap sebagai satu mudarat kepada agama. Menjaga agama berada di bahagian teratas dalam dharuriyyat al-khmas. Oleh itu dalam situasi dua mudarat yang bertembung memilih mudarat yang lebih ringan iaitu pembukaan masjid dengan SOP yang ketat adalah lebih sesuai. Berbanding menutup secara keseluruhannya

Adapun penangguhan sembahyang hari raya dan sembahyang terawih sesuai dengan kehendak syarak berasarkan kepada kaedah *تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة* kerana kedua-dua sembahyang ini boleh dilakukan dirumah. Dan sesuai dengan kaedah *دفع المفاسد مقدم على جلب المصالح* Menolak kerosakan hendaklah diutamakan berbanding menarik kebaikan.

4.4 Larangan Kanak-Kanak dan Warga Emas Ke Masjid

Termasuk juga dalam pelaksanaan perintah kawalan semasa PKP ialah larangan ke atas dua kumpulan tersebut untuk menghadiri solat ke masjid. Kita sedia maklum bahawa dua golongan ini mempunyai antibody yang rendah berbanding dengan golongan dewasa yang lain. Risiko penularan penyakit dikalangan mereka amat tinggi berbanding golongan yang lain.

Perbincangan dan Sandaran Kaedah

Islam amat menggalakan kanak-kanak dilatih untuk melakukan ibadat seawal usia yang mungkin. Dalam hadis yang mashyur Rasulullah memerintahkan ibubapa mengajar anak-anak mereka mendirikan sembahyang seawal usia 7 tahun Dan tindakan pukul boleh dilakuakn atas dasar mendidik bila usia mencecah 10 tahun. Membawa kanak-kanak ke masjid untuk menunaikan sembahyang salah satu cara untuk mengajar kanak-kanak mendirikan sembahyang. Namun dalam situasi yang menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada risiko maka hendaklah ditangguhkan buat sementara.

Bagi warga emas mereka amat dituntut untuk melipatgandakan amal ibadah untuk mendekati diri kepada Allah s.a.w. Antara yang dituntut ke atas mereka seperti mendirikan solat secara berjemaah di masjid. Namun apabila merkea terdedah kepada risiko jika menghadiri masjid ianya suatu kelonggaran untuk tidak menghadirinya atau dibuat suatu peraturan untuk menghalangnya menghadiri masjid.

Sesuai dengan beberapa kaedah fikah peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah ke atas kanak-kanak dan warga emas adalah selari dengan kehendak Islam. Anantara beberapa kaedah yang boleh dijadikan sandaran adalah seperti berikut. Kaedah pertama *تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة* Setiap tindakan yang ingin dilakukan oleh pemerintah adalah berdasarkan kepada maslahah. Oleh itu larangan kepada dua kumpulan ini merupakan satu maslahah kepada mereka berdua dan juga orang ramai. Manakala kaedah kedua pula yang boleh dijadikan sandaran ialah *الدفع أولى من الرفع* iaitu mengelak lebih baik dari mengangkat. Mengelak penyakit dari menimpa lebih mudah berbanding mengatasinya selepas menimpa. Oleh itu menghalang kehadiran dua

kumpulan ini adalah lebih mudah dan lebih berkesan. Adapun kaedah ketiga ialah دفع المفسد مقدم على جلب المصالح. Menolak kerosakan hendaklah diutamakan berbanding menarik kebaikan. Diantara cara mengelak kerosakan ialah menghalang kanak-kanak dan warga emas yang mempunyai antibodi yang lemah menghadiri tempat tumpuan orang ramai seperti masjid untuk mengelak berlaku penularan penyakit.

4.5 Penangguhan Ibadah Umrah dan Haji

Ibadah haji ialah ibadah yang menunjukkan syiar yang terbesar bagi umat Islam yang dihadiri oleh jutaan umat Islam dari pelbagai pelosok negara. Ibadah yang hanya diwajibkan sekali umur hidup bagi yang mempunyai kemampuan. Dalam sejarah kehidupan baginda pernah baginda dihalang dari menunaikan ibadah haji dan umrah. Begitu juga pernah dicatatkan dalam sejarah beberapa kali ibadah haji tidak dapat dilakukan.

Dengan bilangan Jemaah yang ramai pada setiap tahun yang datang dari pelbagai negara umat Islam kemungkinan untuk berlakunya jangkitan amat tinggi. Pernah direkodkan beberapa wabak yang berlaku di sana seperti MERS dan beberapa jenis jangkitan yang lain.

Oleh itu pada pandangan penyelidik penangguhan ibadah umrah dan haji adalah sesuai dengan kehendak agama. Beberapa kaedah boleh dijadikan sandaran bagi penetapan hukum ini antaranya تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة. Polisi pemerintah ke atas rakyat berasarkan masalah. Tindakan yang diputuskan oleh pihak Kerajaan untuk menghalang penyebaran penyakit ialah dengan menagguhkan pelaksanaan ibadah haji dan juga umrah. Penetapan itu juga sesuai dengan kaedah دفع المفسد مقدم على جلب المصالح iaitu mengelak kerosakan hendaklah didahulukan berbanding menarik masalah. Mengelak berlaku penyebaran penyakit dikawasan perhimpunan raksasa. Apabila berlaku jangkitan dikawasan perhimpunan yang besar akan mengundang jangkitan yang tinggi dan risiko yang besar kepada umat Islam. Membenarkan ibadah dilaksanakan merupakan suatu masalah. Apabila bertembung antara masalah dengan mafsadah maka hendaklah didahulukan mengelak mafsadah berbanding menarik masalah. Penetapan hukum di atas juga mempunyai sandaran dengan kaedah ketiga iaitu الدفع أولى من الرفع mengelak penyebaran penyakit dengan cara menagguhkan pelaksanaan ibadah haji dan umrah lebih mudah diambil dan lebih murah kosnya berbanding menguruskan penyebaran penyakit setelah merebak kepada Jemaah haji dan umrah.

5. Kesimpulan Dan Cadangan

Kaedah fikah telah diakui oleh ulama sebagai satu pendekatan yang boleh digunakan untuk menyelesaikan persoalan yang berlaku dalam kehidupan seharian dalam apa jua bidang. Walaupun demikian sumber-sumber utama seperti al_quran, al-Sunnah hendaklah diutamakan terlebih dahulu berbanding kaedah fikah.

Dari perbincangan yang dibuat penyelidik dapat merumuskan bahawa kebanyakan polisi yang dilaksanakan oleh pemerintah dalam pelaksanaan ibadah semasa perintah kawalan pergerakan selari dengan kehendak syarak dan selari dengan maqasid syariah. Hanya sebahagian kecil pada

pandangan penyelidik yang perlu dibuat penambahbaikan agar masalah untuk menjaga agama sentiasa diutamakan dalam mana-mana keadaan walaupun dengan had yang seminoma mungkin. Dan penjelasan yang lebih efektif hendaklah diberikan kepada masyarakat agar masyarakat dapat menerima keputusan yang dibuat dengan penuh yakin.

6. Rujukan

Abdul Rahman al-Damsyiki. Abu Abdullah Muhammad. 1987. *Rahmah al-Ummah Fi Ikhtilaf al-Aimmah*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Abdul Rahman Soleh, 1423. *al-Qawaid Wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah al- Mutadhaminah Li al-Tasir*. Madinah : Maktabah Malik Fahd.

Abu Umamah Nawar Bin al-Sya'li. 2009. *al-Asas Fi Fikahi al-Khilaf*. Kaherah : Dar al-Salam.

Ahmad Bin Abdul Rahman. 1429. *al-Hajah Wa Asaruha Fi al-Ahkam*. Riyad: Kunuz Isbiliya.

Al-Bahusain (e). Yaakub Abdul Wahab. 2008. *al-Maayir al-Jaliyyah Fi alTamyiiz Bain al-Ahkam Wa al-Qawaid Wa al-Dawabit al-Fikahiyyah*. Saudi: Maktabah al-Rusyd.

Al-Bakri al-Shafie.1991.Badr al-Din Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Sulayman. *Al-Iktinak Fi al-Fark Wa al-Istisna'*

Al-Lahji. 1388. Abd Ilah Ibn MuhammadUbbadi. *Idhah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*.Cetakan Madani

Al-Nawawi. Zakariyya Yahya bin Sharaf 1995. *Sahih Muslim Syarh Imam Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawi*. Dar al-Fikir.

Al-Sadlan. 2008. *Soleh bin Ghanim.Al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kubra Wa Ma Tafara' Anha*.Riyad.

Al-Sharbini. tt. Muhammad Al-Khatib. *Mughni al-Muhtaj*. Dar al-Fikir

Al-Suyuty.Jalal al-dinAbdul Rahman. 1983.*Al-Asbah Wa al-Nazair qawaid wa furuk Fiqh al-Shafieyyah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Hajar. 1986. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Imam Abi Abdullah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Rayyan

Ibn Muflih al-Maqdisi.tt. *Kitab al-Furuk*. Muassasah al-Risalah.

Muhammad al-Sabihi, 1409. *Adadu Solat al-Tarawih*. Dirasah Naqdiyyah Tawqifiyyah.Riyad.

Muhammad al-Zuhaily. 2009. *al-Qawaid al-Fiqhiyyah Wa Tatbiqatuha Fi al-Mazahib al-Arbaa'h*. Beirut: Dar al-Fikir.

Muhammad al-Zuhaily. 2009. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Wa Tatbiqatuha Fi al-Madahib al-Arbaah*. Dar al-Fikir.

Wan Mohd Zul Wan Yusuf. 2016. *Penetapan Hukum Berdasarkan Kaedah Fiqah Dalam Fatwa Vaksinasi*. Seminar Fatwa Antrabangsa, 83-95.

LAMAN SESAWANG

mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan

mkn.gov.my/web/ms/sop-pkpb-2

<https://www.aljazeera.net/turath/2020/3/24/تعرف-على-وقائع-وقف-صلوات-الجماعات>